

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 8 APRIL 2014
SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah peraturan atau "*procedure*" (*standard operating procedure*) serta tindakan di Hospital Besar Kerajaan Negeri apabila pesakit yang mempunyai rekod masalah jantung mengadu sakit dada dan sesak nafas dibawa ke bilik kecemasan hospital besar negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengamalkan sistem saringan "triage" bagi setiap pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Bagi pesakit yang mempunyai rekod masalah jantung dan mengadu sakit dada dan sesak nafas dan disyaki mendapat serangan jantung akan dikategorikan sebagai kategori kritikal (merah), di mana pemeriksaan khusus seperti ECG akan dilakukan dan rawatan

se wajarnya berdasarkan penemuan ECG akan diberikan dengan segera. Setelah disahkan mengalami serangan jantung, rawatan *thrombolytic therapy* seperti intravena Streptokinase (sekiranya tiada kontraindikasi) akan diberikan di Jabatan Kecemasan dan Trauma sebelum pesakit dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Koronari. KKM telah menetapkan sasaran, di mana pesakit yang disahkan mengalami serangan jantung (ST-elevation Myocardial Infarction) hendaklah diberi rawatan *thrombolytic therapy* tidak kurang dari 30 minit selepas presentasi di Jabatan Kecemasan dan Trauma selaras dengan rekomendasi rawatan di luar negara, di mana *thrombolytic therapy* diindikasikan dalam masa 12 jam selepas presentasi.

Pada tahun 2011 dan 2012 sebanyak 87.11% dan 91.89% pesakit serangan jantung diberikan rawatan *thrombolytic therapy* di Jabatan Kecemasan dan Trauma dan prestasi pencapaian adalah meningkat setiap tahun semenjak tahun 2009, di mana peningkatan adalah sebanyak 0.22 hingga 8.8%.